NIMP 2030 pemacu masa depan ekonomi Malaysia

Transformasi digital dalam industri diutama sesuai fasa tenaga lebih bersih

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) yang akan dilancarkan hari ini dijangka mampu menjadi pemacu perubahan kepada lonjakan ekonomi negara menuju ke depan, demikian menurut penganalisis.

Malah, pelan induk itu juga akan merencanakan hala tuju perindustrian di negara ini bagi pertumbuhan fasa seterusnya ekonomi negara yang memerlukan anjakan baharu dalam berdepan persekitaran global yang mencabar di tengah peralihan kepada tenaga lebih bersih.

EKONOMI MADANI Memperkasa Rakyat

NIMP 2030 juga dijangka akan memangkin pertumbuhan ekonomi negara sejajar dengan Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat.

Ia juga dijangka membina kapasiti operasi dan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) industri negara untuk menjadikan Malaysia lebih berdaya saing dari segi menarik pelaburan, dengan kesan limpahan positif kepada ekonomi terutama meningkatkan kedudukan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam rantaian nilai global dan menyediakan pekerjaan berpendapatan tinggi untuk rakyat.

Ketua Ahli Ekonomi dan Kewangan Sosial, Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid menjangkakan NIMP 2030 akan menjelaskan hala tuju fokus industri utama dari segi pendanaan, kawasan industri, guna tenaga berkemahiran serta landskap perundangan.

'Letusan' ekonomi

Beliau berkata, antara industri terbabit ialah aeroangkasa, elektrik dan elektronik, kenderaan elektrik (EV) dan bahan kimia.

"Sekiranya dapat dilaksanakan dengan baik, ia boleh menjadi letusan atau 'spark' dalam ekonomi yang kesan berganda kepada ekonomi negara," katanya kepada *BH*.

Dr Mohd Afzanizam

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika berucap pada Majlis Amanat Perdana Hari Kebangsaan 2023 kelmarin berkata, NIMP 2030 yang bakal dilancarkan itu akan menjadikan Malaysia negara industri berteknologi tinggi dengan transformasi digital.

Beliau berkata, NIMP 2030 yang akan dilancarkan itu bukan seperti pelan perindustrian yang biasa.

"Ia memberi tumpuan terhadap anjakan supaya tidak hanya memutuskan kepada sesuatu sektor, tetapi ke arah matlamat dan misi menjadikan Malaysia negara industri dengan teknologi tinggi, transformasi digital dan memberi ruang kepada ratusan ribu anak muda dalam bidang pekerjaan baharu.

"Transformasi digital dalam industri bukan saja dapat mengembalikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan unggul, tetapi akan meningkatkan keupayaan kita," katanya.

NIMP 2030 adalah kerangka dasar komprehensif merangkumi misi, keutamaan dan pelan tindakan dalam transformasi sektor perkilangan Malaysia.

Perdana Menteri berkata, negara memperoleh kembali perhatian beberapa syarikat besar seperti Tesla Inc dari Amerika Syarikat (AS), Geely dari China serta Infineon Technologies dari Jerman yang bersetuju menjadikan Malaysia pangkalan pelaburan penting.

"Bagi kita (pelaburan) ini sangat penting kerana kalau ia dapat diteruskan, Malaysia boleh memaknai kemerdekaan, dan setiap anak muda dijamin pekerjaan serta tidak menganggur," katanya.

Selain itu, Anwar berkata, kerajaan juga akan melaksanakan kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) sejurus selepas pelancaran NIMP 2030.